



JURNAL PENGAJIAN UMUM

JOURNAL OF GENERAL STUDIES

JILID 1 / 2020

PRAKATA PENASIHAT SIDANG EDITOR

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, Jurnal Pengajian Umum Jilid 1, 2020 ini telah berjaya diterbitkan. Jurnal Pengajian Umum merupakan satu penerbitan bersiri oleh Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Kinabalu yang berhasrat untuk membudayakan amalan penulisan kertas penyelidikan ilmiah dalam kalangan pensyarah yang mengajar kursus-kursus di bawah Jabatan Pengajian Am serta pensyarah daripada bidang umum yang berkaitan. Penerbitan jurnal ini merupakan satu platform bagi para penyelidik untuk menyebarkan luas dan berkongsi hasil kajian mereka agar dapat memberi manfaat kepada seluruh warga pensyarah. Di samping itu, penerbitan jurnal ini juga memberi pengiktirafan kepada hasil kajian para pensyarah dan seterusnya memupuk budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah itu sendiri.

Penerbitan jurnal tahun ini meliputi aspek bidang umum merangkumi nilai, etika, keagamaan dan falsafah, peradaban, hubungan etnik, sastera dan kemanusiaan, kebudayaan dan kesenian, pendidikan, bahasa dan pengurusan.

Adalah diharapkan artikel yang dimuatkan dalam jurnal ini dapat membantu para pensyarah mendapat maklumat baharu yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan serta mendorong para pensyarah untuk melaksanakan tugas dengan lebih efisien. Semoga penerbitan jurnal ini turut membina keyakinan pensyarah untuk melaksanakan penyelidikan dan seterusnya menulis artikel mengenai dapatan kajian mereka untuk dikongsi dengan pensyarah lain.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada para penyelidik yang telah menyumbangkan artikel serta tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Jurnal Pengajian Umum Jilid 1, 2020 ini.

Rafidah binti Ahmad

Ketua Jabatan Pengajian Am
Politeknik Kota Kinabalu

PRAKATA KETUA EDITOR

Jurnal Pengajian Umum Jilid 1, 2020 ini diterbitkan sebagai satu wadah untuk menggalakkan para pensyarah menjalankan penyelidikan dan seterusnya menyebarkan luas pengetahuan, pengalaman dan dapatan kajian mereka.

Dalam Jilid 1 ini sebanyak 11 artikel telah diterima dan dipilih untuk dimuatkan dalam jurnal ini. Artikel yang diterbitkan dalam jurnal ini membincangkan pelbagai aspek penyelidikan dalam bidang umum yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Antara artikel yang dipilih kali ini ialah artikel yang membincangkan aspek bidang umum merangkumi nilai, etika, keagamaan dan falsafah, peradaban, hubungan etnik, sastera dan kemanusiaan, kebudayaan dan kesenian, pendidikan, bahasa dan pengurusan.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada semua editor dan reviewer yang telah memberikan sokongan dan kerjasama yang baik dalam melancarkan penerbitan jurnal ini. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada penulis yang menyumbangkan artikel bagi penerbitan Jurnal Pengajian Umum Jilid 1, 2020 ini.

Semoga jurnal ini dapat memberi manfaat kepada semua pensyarah dalam meningkatkan kualiti kerjaya mereka ke arah memajukan bidang pendidikan negara.

Johan Severinus Tati

Ketua Editor

Jurnal Pengajian Umum: Journal of General Studies

Jabatan Pengajian Am
Politeknik Kota Kinabalu, Sabah

Jilid 1 Tahun 2020

SIDANG EDITOR

Penasihat

Rafidah binti Ahmad
Ketua Jabatan Pengajian Am

Ketua Editor

Johan Severinus Tati

Penolong Ketua Editor

Siti Aznah binti Japilin

Penyelaras Penerbitan

Elnie Bt Henry Yapolai
Liza Blasius Golingi

Editor

Zaliha binti Mat Isa
Zainorhisyam bin Mohamad Nor
Qamariah binti Makmud
Jaime A/K Mundu
Anna Alicia Juanis
Noraini binti Lunchin
Georginia Alicia Ejus

Reviewer

Dr. Rozita binti Buyoh
Pensyarah
Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya

Dr. Nancy Chiu @ Noemi
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA Kampus Kota Kinabalu

Dr. Esther Jawing
Pensyarah Kanan
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS

Dr. Kavitha Ganesan
Pensyarah Kanan
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS

Dr. Jamsari Bin Hashim
Pensyarah
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS

Grafik & Rekaletak Bahan

Siti Huzaima binti Jamri
Pensyarah
Jabatan Matematik, Sains & Komputer

Urusetia

Darsinah Binti Pedro
Christabel Poisol

Jurnal Pengajian Umum: Journal of General Studies

Jabatan Pengajian Am, Jilid 1 2020

ISSN: 2773-5060

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pengajian Am

Politeknik Kota Kinabalu

No.4, Jalan Politeknik, KKIP Barat

Kota Kinabalu Industrial Park

88460 Kota Kinabalu, Sabah.

Tel : +6088-401800

Faks : +6088-499960

Website : www.polikk.edu.my

Semua hak cipta terpelihara. Hak Cipta Politeknik Kota Kinabalu 2020. Semua artikel daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Jurnal Pengajian Umum: Journal of General Studies
Journal of General Studies (1) 2020
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Kota Kinabalu

Kandungan

1. Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Keselamatan di Kolej Kediaman Politeknik Kota Kinabalu
Mazlan bin Maming & Nurhazawani binti Yahya 7
2. Tahap Penggunaan Air Semasa Berwuduk: Tinjauan di Pusat Islam Politeknik Kota Kinabalu
Haider Ahmad Fazil 13
3. Perceptual Learning Styles, Language Learning Strategies and English Proficiency among Politeknik Students
Elnie Henry Yapolai 18
4. Model Penilaian Kirkpatrick: Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Bengkel Teknik Menjawab Peperiksaan Akhir Matematik Kejuruteraan 1
Siti Huzaima Binti Jamri & Hetiyanah Binti Jatjo 32
5. Penggunaan Aplikasi Zoom Sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran bagi Pelajar Kolej Komuniti Penampang
Dg. Nurshazana Binti Daud, Corine Binti Ahlai @ Eric & Grisha Henry William 42
6. Penggunaan Kaedah Sistem Ganjaran untuk Meningkatkan Keberkesanan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Pengajian Malaysia MPU1152 di Kolej Komuniti Penampang
Corine Binti Ahlai @ Eric, Dg. Nurshazana Binti Daud & Grisha Henry William 48
7. Students' Perspective on Online Learning in Politeknik Kota Kinabalu
Anna Alicia Juanis & Georginia Alicia Ejus 54
8. Peranan Dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Semasa Pandemik Covid-19
Suzieyani Abdul Latiff 61
9. Code Switching in the ESL Classroom: The Multilingual Students' Perspectives
Johan Severinus Tati, Dr. Suthagar Narasuman & Dr. Jane Wong Kong Ling 71
10. Best Practice in Online Teaching-Learning for The New Norm: A Perspectives from Mersing Polytechnic
Norhaslinda, R. Faraazlina, Nurul Shida & Masuria 80
11. Reading Habit and Attitudes: A Study of Students in Politeknik Kota Kinabalu
Noraini Lurchin & Liza Blasius Golingi 88

Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Keselamatan di Kolej Kediaman Politeknik Kota Kinabalu.

Mazlan bin Maming & Nurhazawani binti Yahya

Politeknik Kota Kinabalu

Abstrak

Keselamatan adalah satu keadaan yang selamat dan bebas daripada bahaya termasuk kecederaan dan risiko. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Keselamatan di Kolej Kediaman Politeknik Kota Kinabalu. Aspek-aspek pengetahuan pelajar terhadap keselamatan yang dikaji ialah polisi keselamatan, prosedur, peralatan, pengungsian "Fire drill" bangunan, komitmen dan sikap serta persekitaran. Dalam menjalankan kajian ini, kaedah soal selidik telah digunakan sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data. Kajian ini melibatkan seramai 528 orang responden yang terdiri daripada pelajar kolej kediaman Politeknik Kota Kinabalu. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan mereka berkaitan keselamatan di kolej kediaman masing-masing setuju dengan nilai 47.8% dan sangat setuju dengan nilai 42.2%. Ini menunjukkan tahap pengetahuan pelajar terhadap keselamatan adalah sangat baik dan perlu ditingkatkan dari masa ke semasa dengan pelbagai aktiviti yang lebih menarik minat pelajar kolej kediaman untuk menambah pengetahuan mereka terhadap aspek keselamatan.

Kata Kunci: *pengetahuan, keselamatan, kolej kediaman*

Pengenalan

Kemalangan dan kecederaan yang berlaku di Kolej Kediaman samada di Institut Pengajian Awam mahupun Swasta bukan lagi isu yang asing bagi setiap negara termasuk Malaysia. Ini juga disokong daripada kajian Samsul (2001) menyatakan beberapa kes kemalangan di Makmal, UTHM malah melibatkan IPTA lain-lain sering terjadi. Kemalangan ini boleh berlaku tidak mengikut masa dan di mana sahaja dalam apa jua keadaan. Hal ini juga boleh disebabkan reka bentuk bangunan, persekitaran kolej dan aktiviti yang dijalankan oleh pelajar juga boleh memberikan kesan yang minimum terhadap risiko seperti kemalangan, kecederaan dan kematian yang berlaku dalam kalangan warga kolej kediaman.

Bahagian Pengurusan Kolej Kediaman merupakan unit yang dipertanggungjawabkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik dalam segala aspek berkaitan keselamatan dalam kampus. Unit ini juga bertanggungjawab dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan tertentu yang dikeluarkan dari masa ke semasa berpandukan Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik.

Walaupun pada amnya, keselamatan di dalam kampus dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Pengurusan Kolej Kediaman, tetapi pada hakikatnya perkara ini juga menjadi tanggungjawab bersama semua warga kampus sama ada kakitangan mahupun pelajar. Keselamatan yang berkesan hanya akan tercapai sekiranya dijadikan amalan dan dipraktikkan oleh setiap individu. Sikap 'Tidak ambil peduli' atau 'Tidak Apa' terhadap hal-hal yang menggugat keselamatan merupakan sebahagian daripada ancaman terhadap keselamatan. Oleh yang demikian, kerjasama yang erat dan komitmen dari setiap individu terhadap pengetahuan keselamatan bersama amatlah diperlukan.

Sorotan Literatur

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), Keselamatan ditakrifkan sebagai perihal selamat, kesejahteraan, keamanan yang baik. Keselamatan ialah suatu perkara atau langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan berlakunya peristiwa yang tidak diinginkan seperti kecederaan atau kehilangan nyawa. Ianya juga bermaksud terlindung daripada masalah fizikal, sosial, kewangan, politik, perasaan, pekerjaan, psikologi dan perkara-perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diinginkan oleh Tengah, A., & Yahya, F.(2019). Ini juga termasuk dalam konteks terlindung daripada sesuatu malapetaka atau kejadian yang berkaitan dengan kesihatan dan ekonomi. Keselamatan adalah elemen paling penting yang perlu diambil kira oleh pihak pengurusan atasan.

Pengetahuan merupakan faktor penting dalam melakukan sesuatu kerja menurut Tiun, L. T. (1995). Dengan adanya pengetahuan, sesuatu kerja yang dilakukan akan berjalan dengan lancar. Aspek pengetahuan tentang amalan keselamatan makmal adalah penting bagi mengelakkan diri daripada berlaku kemalangan. Aspek ini mampu menentukan tahap kesedaran pelajar tersebut sama ada rendah, sederhana, atau tinggi. Amalan daripada pengetahuan yang diketahui lebih penting ketika melakukan pekerjaan. Menurut Husin, N. (2007) setiap individu itu akan menjadi lebih peka mengenai isu keselamatan dan kesihatan yang ada di makmal dan dapat meningkatkan tahap keselamatan serta kesihatan melalui pengamalan prosedur yang betul dan selamat. Manakala Langley, J. (1969) menyatakan penyesuaian dan pengetahuan tentang pekerjaan dalam makmal amat diperlukan untuk mengelakkan risiko kemalangan. Menurut Hamdan, H. dan Abdul Majid, Z. (1994), pengetahuan dan penggunaan peralatan yang betul dan langkah-langkah bagi mengelakkan berlaku kemalangan mesti dipelajari oleh semua individu.

Selain itu, pelajar juga harus mempunyai pengetahuan mengenai keselamatan persekitaran. Ini termasuklah mengenai kedudukan serta cara menggunakan alat pemadam api. Pengetahuan terhadap langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan seperti laluan kecemasan juga perlu didedahkan kepada pelajar. Kesedaran tentang amalan keselamatan merupakan satu perkara yang penting kepada semua pihak iaitu pihak pengurusan kolej kediaman, Felo Kolej Kediaman, serta seluruh penghuni kolej kediaman bagi memastikan keselamatan di kolej kediaman terjamin serta dapat mengurangkan risiko kemalangan. Menurut kajian Raymond et al.(2003), latihan keselamatan akan meningkatkan pengetahuan dan mengurangkan kecederaan di tempat kerja. Tambahan pula, program latihan yang sistematik malah komprehensif juga dapat mengukuhkan pengetahuan dan meningkatkan sistem keselamatan dan kesihatan yang berkualiti oleh Tiun, L. T. (1995). Oleh yang demikian, berdasarkan kajian ini pelajar kolej kediaman juga perlu diberikan pendedahan terhadap latihan keselamatan seperti pengungsian "*Fire Drill*" bangunan agar para pelajar tidak cemas dan tahu apa yang perlu dilakukan apabila berlaku kebakaran.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti pengetahuan pelajar kolej kediaman terhadap polisi, prosedur dan peralatan berkaitan keselamatan.
2. Mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar tentang cara pengungsian "*Fire drill*" bangunan ketika berlaku kecemasan.
3. Mengenal pasti komitmen dan sikap pelajar terhadap keselamatan dan persekitaran di kolej kediaman.

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kerangka penyelidikan berbentuk penerokaan bagi mendapatkan maklumat baru yang sedang berlaku. Menurut Tiun, L. T. (1995), kajian berbentuk penerokaan adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran baru berhubung sesuatu isu, bertanyakan soalan dan membuat penilaian terhadap isu tersebut daripada berbagai perspektif. Kajian jenis ini kurang bersifat struktur dan lebih mudah untuk mendapatkan maklumat baru di kawasan kajian.

Pensampelan kajian adalah sampel bertujuan seramai 528 responden yang dipilih dalam kalangan pelajar Kolej Kediaman Politeknik Kota Kinabalu. Pelajar-pelajar ini dipilih sebagai responden kajian kerana mereka terlibat secara langsung dengan semua aktiviti yang dijalankan serta perlu diberi keutamaan terhadap pengetahuan keselamatan di kolej kediaman Politeknik Kota Kinabalu.

Proses pengambilan data kajian adalah dengan menggunakan borang soal selidik iaitu melalui aplikasi "Google Form" yang diedarkan kepada responden. Borang soal selidik ini telah diadaptasi daripada kajian Idris et al. (2004). Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden dan Bahagian B untuk mendapatkan maklumat berhubung kajian ini. Setiap soalan menggunakan 5 skor skala likert iaitu (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Soalan-soalan kajian ini dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu polisi, prosedur, peralatan, pengungsian bangunan, komitmen dan sikap serta persekitaran. Data yang diperolehi dianalisa dan dipersembahkan dalam bentuk peratusan. Data-data diperolehi dan dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel bagi mengetahui nilai kekerapan tahap pengetahuan pelajar-pelajar di Kolej kediaman Politeknik Kota Kinabalu.

Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri responden mengikut jantina dan semester bagi 528 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Didapati responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki dengan beza peratusan sebanyak 43.6% (230 orang). Dapatan kajian menunjukkan pelajar semester 5 merupakan responden yang paling tinggi iaitu 37% (194 pelajar). Ini disebabkan pada sesi Julai 2020 kemasukan pelajar di kolej kediaman diutamakan bagi pelajar semester akhir iaitu pelajar semester 5. Manakala pelajar semester 1 adalah responden yang ke dua tertinggi. Ini disebabkan semua pelajar baru iaitu pelajar semester 1 adalah wajib tinggal di kolej kediaman Politeknik Kota Kinabalu.

Jadual 1: Ciri-ciri Responden

Ciri-ciri		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	149	28.2
	Perempuan	379	71.8
Semester	1	168	32
	2	30	6
	3	10	2
	4	113	21
	5	194	37
	6	13	2

Jadual 2 menunjukkan peratus keseluruhan jawapan responden terhadap soal selidik yang diedarkan. Terdapat enam (6) konstruk yang dimasukkan dalam soal selidik. Hasil dapatan menunjukkan bagi konstruk polisi, sebanyak 97% responden memilih skala 4 dan 5 iaitu setuju dan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa hampir kesemua responden tahu akan kepentingan keselamatan di Kolej Kediaman Politeknik Kota Kinabalu. Mereka juga bersetuju bahawa semua pelajar perlu maklum mengenai polisi keselamatan. Selain itu, pelajar bersetuju yang dasar keselamatan perlu jelas dan perlu ditampal di tempat-tempat yang mudah dilihat.

Bagi konstruk kedua pula iaitu prosedur, sebanyak 95% responden memilih skala 4 dan skala 5. Ini menunjukkan bahawa pelajar tahu akan peraturan keselamatan di kolej kediaman dan mematuhi semua peraturan keselamatan yang ditetapkan. Pelajar juga bersetuju peraturan keselamatan yang ada mudah difahami. Mereka juga bersetuju bahawa peraturan keselamatan ini amat penting serta tahu akibat sekiranya tidak mematuhi peraturan keselamatan.

Sebanyak 81% responden memilih skala 4 dan skala 5, di mana mereka bersetuju terhadap konstruk ketiga iaitu peralatan. Pelajar bersetuju alat pemadam api yang disediakan mencukupi serta di simpan di tempat yang mudah dilihat serta dilabel dengan jelas. Mereka juga bersetuju alat-alat diperiksa oleh pihak yang bertanggungjawab dan tahu cara menggunakan alat pemadam api sekiranya berlaku kecemasan. Ini juga kerana pelajar-pelajar di Kolej kediaman telah dimaklumkan dan diberikan pendedahan bagi setiap semester dalam program wajib pengungsian "*fire drill*" bangunan.

Manakala konstruk ke empat pula, iaitu pengungsian bangunan, sebanyak 85% responden memilih skala 4 dan skala 5. Ini menunjukkan bahawa pelajar tahu betapa pentingnya latihan 'fire drill' di kolej kediaman. Mereka bersetuju program 'fire drill' ini perlu dilaksanakan secara berterusan. Selain itu, program 'fire drill' perlu didedahkan kepada semua penghuni kolej kediaman bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan pelajar-pelajar ini terhadap keselamatan mereka.

Konstruk ke lima iaitu komitmen dan sikap pula menunjukkan sebanyak 96% responden memilih skala 4 dan skala 5 iaitu bersetuju dan sangat setuju. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa keselamatan mesti diutamakan di mana sahaja anda berada. Pelajar juga tahu akan akibat sekiranya cuai atau lalai ketika membuat kerja serta aktiviti di dalam Kolej Kediaman. Selain itu, pelajar merasakan amat penting memberitahu dan berkongsi maklumat keselamatan kepada rakan yang lain dan akan menggunakan alat perlindungan diri sekiranya perlu. Pelajar juga bersetuju untuk memeriksa peralatan keselamatan sebelum menggunakannya dan sentiasa mematuhi peraturan keselamatan yang disediakan. Semua peralatan perlu dibersihkan dan disusun dengan kemas selepas digunakan dan perlu dilaporkan dengan segera sekiranya terdapat peralatan yang rosak.

Manakala bagi konstruk yang ke enam iaitu persekitaran, sebanyak 86% responden memilih skala 4 dan skala 5. Ini menunjukkan bahawa responden bersetuju terdapat lebih dari satu laluan keluar sekiranya berlaku sebarang kecemasan. Pelajar juga menitikberatkan persekitaran kolej kediaman dalam keadaan selamat serta memastikan laluan kecemasan tidak disekat oleh sebarang halangan. Pelajar akan sentiasa memastikan lantai dalam keadaan bersih dari minyak, habuk, air dan bahan-bahan yang tidak selamat disamping sistem pengudaraan di kolej kediaman dalam keadaan baik.

Jadual 2: Maklumat kajian

	Peratus				
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Konstruk	1	2	3	4	5
Polisi	1	0	2	38	59
Prosedur	1	0	4	49	46
Peralatan	1	2	17	49	32
Pengunsian bangunan	2	2	10	46	39
Komitmen dan sikap	1	0	3	49	47
Persekitaran	1	2	12	56	30
Jumlah	1	1	8	47.8	42.2

Bilangan responden yang berada pada skala 1 (Sangat Tidak Setuju), skala 2 (Tidak Setuju) dan skala 3 (Tidak Pasti) menunjukkan jumlah peratus pada purata 10%. Ini menggambarkan bahawa masih terdapat sebilangan kecil daripada mereka tidak tahu tentang aspek keselamatan di Kolej Kediaman dan juga persekitaran mereka. Sikap ini amat boleh menjejaskan keselamatan diri mereka khususnya serta penghuni lain di Kolej Kediaman amnya.

Cadangan dan Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar kolej kediaman di Politeknik Kota Kinabalu terhadap keselamatan adalah sangat baik. Ini patut diberikan pujian kerana 90% pelajar mempunyai tahap pengetahuan keselamatan yang sangat baik serta tahu faedah yang akan diperolehi apabila semua pelajar dapat mengamalkan keselamatan di Kolej Kediaman Politeknik. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan mereka adalah di tahap yang positif. Oleh itu, kajian ini sedikit sebanyak memberikan sumbangan dan panduan kepada pihak institusi bagi menambahbaikkan peraturan-peraturan serta amalan keselamatan sedia ada agar semua pelajar dapat mematuhi peraturan keselamatan.

Berdasarkan dapatan, perbincangan dan rumusan daripada kajian yang dijalankan, penyelidik ingin memberikan beberapa cadangan untuk organisasi dan penyelidik seterusnya yang berminat untuk meneruskan kajian ini. Antaranya ialah pihak pengurusan kolej kediaman hendaklah mengambil tindakan segera kepada sebilangan kecil pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan yang baik tentang aspek keselamatan serta persekitaran di kolej kediaman diantaranya melalui aktiviti-aktiviti program demo keselamatan dan pengungsian "*fire drill*". Hal ini kerana, bilangan yang kecil ini boleh menjadi penyumbang terhadap berlakunya kes-kes kemalangan diluar jangka. Oleh yang demikian, daripada program-program tersebut dapat meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya amalan-amalan keselamatan semasa di kolej kediaman.

Selain daripada itu, kajian ini juga memerlukan penelitian yang lebih terperinci bagi setiap konstruk-konstruk tersebut untuk kajian akan datang dengan

menggunakan SPSS untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai agar analisis yang diperolehi lebih tepat.

Rujukan

- Hamdan, H. dan Abdul Majid, Z. (1994). *Keselamatan Makmal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1-13, 128-132, 150-155, 166-167.
- Husin, N. (2007). *Kursus Keselamatan Makmal dan Bengkel*. Diperolehi pada 19 Oktober 2013, daripada <http://www.ppsk.usm.my/opms>.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Langley, J. (1969). *Safety Education and Training: Safety on Construction Site*. London: The Institution of Civil Engineering.
- Raymond C. Sinclair, Randall Smith, Michael Colligan, Mary Prince, Trang Nguyen, Leslie Stayner. 2003. *Evaluation of a Safety Training Program in Three Food Service Companies*. *Journal of Safety Research* 34: 547-558.
- Samsul, A. R. (2001). *Perkaitan Antara Pengurusan Berkesan dari Segi Kesediaan Pengurusan makmal dengan Peningkatan Ciri-ciri Keselamatan Makmal*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal.
- Sallehuddin (2013). *Kesedaran terhadap amalan keselamatan dalam kalangan pelajar di makmal kejuruteraan UTHM*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Laporan Sarjana Pendidikan Teknikal.
- Tiun, L. T. (1995). *Panduan Asas Penyelidikan Sosioekonomi*. Pulau Pinang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
- Tengah, A., & Yahya, F. (2019). *Amalan Pengurusan dan Pematuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: Kajian di Balai Boma dan Penyelamat di Bangi, Selangor dan Nilai, Negeri Sembilan*. *Proceeding of the 6th International Conference on Management and Muamalah 2019, 2019(ICoMM)*, 100-114.
- Idris, Durrishah., Rahman, H., (2004). *Kajian Kesedaran Staf UTM terhadap keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja*. Malaysia: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia.

Tahap Penggunaan Air Semasa Berwuduk: Tinjauan di Pusat Islam Politeknik Kota Kinabalu

Haider Ahmad Fazil
Politeknik Kota Kinabalu

Abstrak

Berwuduk merupakan suatu amalan yang biasanya dihubungkan dengan pengamalan rohani mahupun jasmani. Amalan kewajipan ini adalah bersumberkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah Nabi SAW. Berdasarkan nas-nas tersebut setiap pelakunya hendaklah membasuh anggota-anggota wuduk iaitu muka, dua tangan, kepala, kaki serta niat dan tertib. Amalan tersebut mempunyai nilai yang sangat tinggi sehinggakan menjadi syarat sahnya sesuatu ibadat seperti solat dan tawaf. Walau bagaimanapun, disebalik kepentingan amalan ini, syariat amat menitikberatkan agar ia dilaksanakan secara cermat dan berhemah agar tidak menggunakan air secara berlebihan dan berlaku pembaziran. Pembaziran bukan sahaja salah dari sudut syarak, malahan lebih dari itu ia memberi kesan yang sangat buruk iaitu mengurangkan sumber bekalan air, berlaku pencemaran air dan ekosistem dan seterusnya memberi mudharat kepada semua hidupan. Justeru, penulisan ini dijalankan bagi melihat amalan berwuduk yang menepati piawaian taharah seperti dianjurkan dalam syariat Islam dan menepati sunnah baginda Nabi SAW serta meninjau amalan berwuduk dalam kalangan masyarakat Muslim secara umumnya serta staf dan para pelajar khususnya. Kajian dijalankan dengan membuat pemerhatian dan tinjauan di Pusat Islam, Politeknik Kota Kinabalu yang merupakan sebuah masjid atau tempat ibadah yang mempunyai kapasiti seribu orang jemaah dalam satu-satu masa. Pemerhatian terhadap seratus orang jemaah, hasil tinjauan menunjukkan memang terdapat berlakunya pembaziran dan berlebihan dalam menggunakan air semasa berwuduk. Penulis mencadangkan satu solusi terhadap isu ini dan diharap dapat membantu menyelesaikan isu pembaziran dan berlebihan ketika berwuduk dalam kalangan masyarakat awam amnya serta komuniti Politeknik Kota Kinabalu khususnya.

Kata Kunci: *penggunaan air, pembaziran, wuduk*

Pendahuluan

Dalam syariat Islam, Allah SWT telah menggariskan menerusi wahyuNya berkaitan suatu amalan yang mesti dilaksanakan oleh hambaNya sebelum menghadap Allah SWT yang dinamakan sebagai taharah (bersuci). Bersuci atau taharah ialah suatu amalan yang menggunakan bahan yang dinamakan sebagai air mutlak (air yang suci lagi menyucikan). Berwuduk merupakan amalan taharah yang menggunakan air. Namun, penggunaan air mestilah bertepatan dengan tuntutan syariat Islam sepertimana yang diajarkan menerusi sunnah Nabi SAW iaitu menggunakan air yang secukupnya dan tidak berlebihan sehingga mengakibatkan pembaziran.

Menurut aspek bahasa, wuduk membawa maksud elok dan berseri. Manakala menurut istilah syarak, wuduk bermaksud perbuatan menggunakan air pada anggota-anggota tertentu berserta niat. (Mustafa et al. 2012). Menurut Kamus Dewan pula, wuduk ialah perbuatan menyucikan diri dengan air (sebelum beribadah, seperti bersembahyang).

Syariat Islam sangat menuntut ibadah wuduk terhadap penganutnya. Kepentingannya mencapai ke tahap wajib jika ia dilaksanakan bertujuan mendirikan solat atau tawaf. Solat tidak diterima dan tidak sah jika dilakukan tanpa

berwuduk terlebih dahulu. Pensyariatian wuduk diturunkan secara seiringan dengan penurunan perintah solat ke atas umat nabi Muhammad SAW. Pensyariatian ini sejajar dengan sabdaan Nabi SAW yang bererti: *“Tidak diterima solat seseorang yang berhadass sehingga dia berwuduk”* (HR Muslim).

Keistimewaan Syariat Islam adalah kerana cirinya yang bersifat sejagat (universal) serta mempunyai nilai-nilai murni. Dalam setiap aspek kehidupan, nilai yang bertentangan dengan syariat Islam perlu dihindarkan sama sekali. Pembaziran dalam amalan berwuduk adalah suatu sikap yang mazmumah (tercela) yang tidak boleh dipandang remeh. Terdapat dalil-dalil (rujukan) di dalam al-Quran dan sunnah Nabi SAW yang menekankan perkara ini sebagaimana Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang-orang yang boros (membazir) itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya”* (Surah Al-Isra, ayat 27). Mafhum firman Allah SWT ini secara amnya menitikberatkan tentang larangan melakukan pembaziran dalam setiap aspek kehidupan. Natijah serta implikasi dari pembaziran boleh mendatangkan mudharat kepada alam sekitar serta hidupnya.

Sebagai contoh, suatu ketika dahulu isu yang melibatkan sumber air di dalam negara pernah berlaku sekitar tahun 2016 di daerah Ulu Tembeling dan negeri Selangor yang menyebabkan pencemaran sungai yang mengakibatkan loji rawatan air yang membekalkan air kepada penduduk di negeri berkenaan terpaksa ditutup berikutan masalah pencemaran kerana membahayakan penduduk setempat (Azizi et al. 2016). Oleh yang demikian, berikutan daripada implikasi pencemaran terhadap sumber air, perlunya kajian mengenai amalan masyarakat berkaitan dengan tahap penggunaan air dalam kehidupan seharian. Justeru, kajian terhadap tahap penggunaan air semasa berwuduk ini sangat signifikan memandangkan ianya mampu memberi gambaran berkenaan aspek penggunaan sumber air dalam amalan berwuduk dalam kalangan masyarakat umum khususnya di Pusat Islam, Politeknik Kota Kinabalu. Penulisan ini diharap dapat membantu pihak berkaitan mengurangkan masalah kekurangan sumber air akibat penggunaan yang tidak terkawal serta tidak disedari oleh masyarakat. Cadangan untuk penyelesaian masalah ini turut dicadangkan oleh penulis dan diharap dapat diterima dan dilaksanakan secara berperingkat dengan melihat kesan positif yang boleh membantu menyelesaikan masalah kekurangan dan pencemaran sumber air yang memberi kesan tidak baik terhadap alam sekitar dan hidupan.

Sorotan Kajian

Menurut statistik yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada tahun 2017, purata penggunaan air di kalangan rakyat Malaysia adalah sebanyak 201 liter sehari. Manakala di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, purata penggunaan air bagi setiap individu adalah sebanyak 222 liter sehari. Jumlah berkenaan telah melebihi 30 peratus seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu sebanyak 165 liter sehari sahaja (mstar, 2019).

Dalam satu laporan kajian di masjid UTHM, Johor tahap penggunaan air dalam kalangan jemaah solat adalah sangat tinggi, hampir 80% penggunaan air adalah digunakan untuk berwuduk berbanding kegunaan lain (Misbahul Muneer, 2018).

Kajian yang dilakukan oleh Azizi (2016) di masjid sekitar bandar Jengka, Pahang pula menunjukkan jumlah penggunaan air semasa berwuduk bagi setiap orang adalah sebanyak 5 liter. Ini bermakna, jika setiap orang menunaikan lima kali solat fardhu di masjid, dia akan menggunakan 25 liter sehari untuk berwuduk sahaja tidak termasuk kegunaan yang lain.

Secara amnya, bilangan jemaah solat pada hari biasa amat berkurangan berbanding dengan hari Jumaat, di mana setiap masjid akan dipenuhi dengan

jemaah yang datang untuk menunaikan solat Jumaat. Bayangkan berapakah jumlah air terpaksa digunakan untuk berwuduk. Ia pasti akan melibatkan penggunaan sumber air yang banyak dan pastinya pembaziran boleh berlaku sekiranya tidak dikawal cara penggunaannya. Ia juga memberikan kesan pembaziran dari sudut lain pula kerana ia juga melibatkan pembayaran bil air yang terpaksa dibayar oleh pihak masjid. Jika pihak masjid dapat melakukan penjimatan dalam pengurusan air wuduk, maka kos untuk pembayaran bil air juga dapat dikurangkan. Amalan penjimatan adalah suatu amalan mulia yang amat dititikberatkan di dalam syariat Islam, manakala pembaziran adalah amalan yang perlu dijauhi. Peringatan ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bererti, *“wahai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah setiap kali hendak memasuki masjid, makanlah dan minumlah dan janganlah kamu berlebih-lebihan, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan”*. (Surah al-A'raf: 31)

Dalam Syariat Islam, wuduk adalah ibadah yang sangat penting. Kepentingan ini kerana ia merupakan antara syarat sah yang utama bagi ibadah solat. Sabda Nabi SAW dalam hadis riwayat Abu Hurairah ertinya: *“Allah tidak menerima solat salah seorang dari kamu jika dia berhadass sehingga dia berwuduk”*
(Riwayat Muslim).

Mafhum dari hadis di atas secara jelas memberikan maksud bahawa solat seseorang yang tidak berwuduk setelah berhadass adalah tidak sah dan tidak diterima. Meskipun ibadat wuduk mengandungi fadhilat dan hikmat yang besar, namun junjungan besar Nabi SAW mendidik umatnya agar pelaksanaan ibadah wuduk dilakukan dengan cara yang berhemah dan sempurna. Nabi SAW juga melarang umatnya daripada terlibat dengan sebarang bentuk pembaziran termasuklah dalam konteks berwuduk. Dalam hadis daripada Abdullah bin Umar, ketika Nabi SAW lalu berhampiran Saad yang sedang berwuduk, Baginda SAW bersabda yang bererti: *“Apakah bentuk pembaziran ini wahai Saad? Saad berkata: Adakah dalam berwuduk pun boleh berlaku pembaziran. Sabda Nabi SAW: Ya, walaupun kamu berada di sungai yang mengalir”* (Hadis Riwayat Ahmad dan Ibn Majah).

Dalam hadis yang lain pula, daripada Abu Raihanah dari Safinah, hadis Aisyah dan Jabir yang ertinya *“Rasulullah SAW dahulu berwuduk dengan kadar secupak (air) dan mandi dengan kadar segantang.”* (Riwayat Ahmad, Ibn Majah dan Al-Tirmizi). Hadis tersebut menerangkan bahawa Nabi SAW telah berwuduk dengan kadar secupak air. Sukatan cupak menurut Mustafa al-Khin et al. (2018), bahawa secupak bersamaan kira-kira 9.2 sm padu. Kadar secupak yang diamalkan oleh Rasulullah SAW mengikut kiraan semasa adalah kurang daripada 1-liter air iaitu kira-kira 0.688 liter, menurut penerangan Fatwa dalam laman Islamweb, manakala menurut Kamarul (2006), satu mud (cupak) bersamaan 563ml. Mafhum hadis ini juga menunjukkan hukum makruh perbuatan membazir air sama ada ketika mandi mahupun berwuduk. Justeru, Baginda Rasulullah SAW mendidik umatnya agar mempraktikkan ibadah wuduk dengan kaedah yang betul dan cara yang boleh mengelakkan pembaziran air.

Berdasarkan kepada perbincangan Ulama mengenai kadar air wuduk yang berlainan, menunjukkan bahawa mesej yang ingin disampaikan oleh Nabi SAW ialah galakan amalan berwuduk secara berhemah serta larangan dari pembaziran air. Melalui dalil-dalil ini juga ternyata memperlihatkan contoh teladan yang baik dari Nabi SAW dengan mengamalkan nilai mulia seperti berhemah dan berjimat cermat dalam semua aspek kehidupan termasuklah dalam konteks ibadah yang kecil seperti berwuduk. Hal ini menjelaskan kepada kita betapa pentingnya budaya berjimat cermat serta tidak berlebihan dalam berwuduk. Apatah lagi dalam hal-hal yang besar dan serius seperti urusan pentadbiran negara dan seumpamanya.

Tinjauan Penggunaan Air Di Pusat Islam, Politeknik Kota Kinabalu

Pusat Islam Politeknik Kota Kinabalu adalah sebuah entiti masjid yang melambangkan tingginya syiar Islam di daerah Sepanggar. Ia dapat menampung kapasiti jemaah solat lebih kurang 1000 orang dalam satu-satu masa. Apabila tiba hari Jumaat, maka ia akan menjadi tumpuan warganya dan juga masyarakat awam untuk menunaikan solat fardhu Jumaat. Waktu ini adalah peluang yang terbaik untuk penulis membuat tinjauan serta pemerhatian terhadap kajian yang akan dilakukan.

Berdasarkan kepada hasil tinjauan dan pemerhatian pada hari Jumaat di Pusat Islam, Politeknik Kota Kinabalu, penulis dengan beberapa rakan telah membuat pemerhatian dengan melihat secara langsung gelagat jemaah solat Jumaat ketika mengambil wuduk dengan mengukur masa mula paip air dibuka hinggalah selesai proses mengambil wuduk setiap orang jemaah tanpa disedari oleh mereka. Pemerhatian ini dilakukan terhadap 100 orang jemaah yang datang awal ke masjid secara rawak yang kebanyakannya dalam kalangan pelajar, pensyarah, kakitangan mahupun orang awam. Proses pemerhatian ini berlangsung sehinggalah genap 100 orang sampel dan setelah itu penulis melakukan perkara yang sama iaitu membuka paip berdasarkan purata masa yang dicatatkan serta purata bukaan pili air dan setelah itu membuat tadahan air ke dalam baldi. Air tadahan tersebut kemudiannya disukat untuk mengetahui berapakah jumlah air yang telah digunakan oleh setiap sampel.

Berdasarkan ke atas 100 pemerhatian tersebut, hasil mendapati masa yang digunakan untuk berwuduk adalah di antara 40 hingga 90 saat manakala purata masa yang diambil ialah 60 saat manakala purata jumlah air yang digunakan adalah sebanyak 6 liter.

Cadangan Dan Kesimpulan

Jika dilihat dari dapatan kajian, ini menunjukkan bahawa terdapat pembaziran penggunaan air dalam kalangan sampel berbanding apa yang dianjurkan oleh syariat Islam seperti yang diajarkan oleh baginda Nabi SAW. Hasil dapatan tersebut menunjukkan sampel menggunakan lebih lapan kali ganda jumlah air yang digunakan oleh baginda Nabi SAW untuk berwuduk, iaitu purata 6 liter berbanding 0.688-liter yang digunakan oleh baginda Nabi SAW. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Azizi et al. (2016) dan Johari et al. (2012) yang melaporkan memang terdapat pembaziran air dalam amalan berwuduk di Malaysia. Kesan penggunaan air secara berlebihan ini bukan sahaja pada pembaziran bahkan kesannya lebih dari itu iaitu boleh menyebabkan mafsadah yang lebih besar iaitu pengurangan sumber air dan pencemaran alam sekitar. Air berlebihan yang dialirkan dan berkumpul pusat takungan air (STP) akan dilepaskan ke sungai dan seterusnya ke laut dan akan mengakibatkan ancaman kepada hidupan yang mana hidupan seperti ikan akan kembali juga kepada manusia untuk disajikan di meja makan untuk dinikmati (Zaini 2019). Justeru, untuk menangani isu pembaziran yang mengakibatkan kerosakan, perlu direkacipta satu alat khas yang efisien agar bertepatan dengan Maqasid Syariah untuk menjaga kemaslahatan ummah.

Penulis dan beberapa rakan telah mencipta satu alat yang dapat menyukat jumlah kuantiti air bagi setiap sekali penggunaan. Tangki simpanan disambung pada saluran paip yang telah ditetapkan jumlahnya iaitu kurang dari 1-liter air. Pili air diubahsuai berbentuk sensor yang dapat mengesan tangan apabila dihulur lalu terbuka saluran air akan tertutup setelah tangan ditarik. Proses ini akan berterusan sehingga selesai mengambil wuduk. Hasil rekaan ini berupaya untuk mengurangkan dan menjimatkan penggunaan air dan seterusnya dapat mendidik masyarakat berwuduk secara sunnah seperti yang diamalkan Nabi SAW serta mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar dan pengurangan sumber air mentah. Diharapkan

usaha rintis ini mencapai matlamat yang ingin dicapai dan dapat diluaskan kepada masjid-masjid yang lain.

Rujukan

- Abd Rahman, Misbahul Muneer, et al. (2014). *Rekabentuk Model Sistem Guna Semula Air Wudhuk*. Journal of Techno Social 6.1.
- Azizi Hamizi, Mohamad Azmi & Hasan Rashid (2016). *Amalan Pembaziran dalam Berwuduk: Tinjauan Menurut Perspektif Syarak dan Amalan Masyarakat*. KONAKA 2016. 395 – 399.
- Jasmi, Kamarul Azmi (2006). *Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Wuduk Rasulullah SAW dan Para Sahabat: Satu Pemerhatian kepada Guru-Guru Pendidikan Islam*.
- Johari, Nor Haliza, et al (2013). *A behaviour study on ablution ritual among Muslim in Malaysia*. Procedia-Social and Behavioral Sciences 106 (2013): 6-9.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Hajah Noresah bt Baharom, h.1807, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Bugha, Mustafa Khin & Ali Syarbaji (2018). *Fiqh Manhaji*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sahih Muslim, Muslim bin al-Hajjajj Abi al-Hasan al-Naisaburi, Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (ed.), (2010) j.1, *Bab Kewajipan Bersuci, h.204, hadis no.225*, Sahih, Beirut: Dar Ihya' alTurath al- 'Arabi.
- Yasin, Qurrotul Aien Bt Fatah (2012). *Mukjizat Wuduk ke Atas Rohani dan Jasmani Manusia*. QURANICA-International Journal of Quranic Research (3.2.). <https://www.mstar.com.my/klik/2019/10/19/air-selangor-kempen-jimat-air> dipetik pada 9 September 2020.

Perceptual Learning Styles, Language Learning Strategies and English Proficiency Among Politeknik Kota Kinabalu Students

Elnie Henry Yapolai
Politeknik Kota Kinabalu

Abstract

Learning styles and language learning strategies are two related factors in learning a language. This study aims to identify the most prevalent perceptual learning styles (PLS) and language learning strategies (LLS) of ESL students at Politeknik Kota Kinabalu in relation to their English proficiency. Self-administered questionnaires in English and Bahasa Melayu adapted from Reid's (1984) Perceptual Learning Style Preference Questionnaire and Oxford's (1990) Strategy Inventory for Language Learning were distributed to 269 respondents via online platform, Google Form. The results show Auditory learning style and Metacognitive language learning strategy was identified as the most prevalent PLS and LLS among respondents. There was no significant relationship found between PLS and LLS. Between categories of PLS it was determined that large degree of effect size differences between Individual and Auditory that indicates Individual style was employed by students with low proficiency in English while highly proficient students preferred Auditory learning style more. High mean score of Metacognitive language learning strategy represents the strategy was particularly preferred by students with higher proficiency in English but low proficiency students were more inclined to Memory strategy. While there is no one-size-fits-all approach to styles and strategy lecturers may want to reconsider adjusting and accommodating to plethora of teaching and learning approaches so that students be autonomous which consequently enhances their becoming more proficient learners.

Keywords: *perceptual learning styles, language learning strategies, esl,*

Introduction

In the Malaysian education system, a formal style of English language learning takes place in classrooms from the primary to tertiary levels. As one of the public Technical and Vocational Education and Training (TVET) tertiary institutions in Malaysia, Politeknik Kota Kinabalu (PKK) offers English courses that are compulsory to be taken by students irrespective of their field of studies. The general objective of the English Language syllabus in PKK is to equip the students with the necessary skills to be used for social interactions, and therefore fulfil the needs of the industries, beyond merely confining communication skills to mere report-writing.

The central question that has occupied the minds of language teachers and educational policy makers in Malaysia with regards to English, is this: despite having formally learnt the language since primary school, why have some students not been able to attain the required competencies?

One argument to help elucidate on the matter is that English Language teachers have ignored the fact that language learners are dissimilar with others in L2 learning. Ellis (2004) stated that learning styles and language learning strategies appear to be among the important variables influencing performance in a second language. As everybody is unique, learning styles and language learning strategies, therefore, vary from person to person. Man and Tomoko (2010) contended that individuals learn differently through numerous approaches that vary across temporal and cultural contexts. Thus, understanding students' preferred learning styles is a pivotal element that can help teachers to assist the former in their learning process.

Although the curriculum structure adopted by Politeknik Malaysia employs Outcome Based Education (OBE) philosophy, scarce evidence has been found to report on the extent of students' investment in independent learning of the English language beyond the lecture halls. The focus on students' own initiative is apt, as LLS refer to "the specific behaviours or techniques learners use to improve any aspect of their own language development" (Oxford Nyikos, 1989:291).

Reiterating the point made earlier, although Malaysians formally undergo English language education for a period of eleven years from Standard One to Form Five, they reportedly do not attain reasonable competencies in the language (Hazita Azman, 2016). In the case of Politeknik across Malaysia, stark differences in the background and different levels of proficiency in English are evident among its student populace. At one end, some students are proficient in the language, which effectively facilitates their communication in class. However, Rashidah Radzi and Mohamed Amin (2018) asserted that students with limited proficiency choose not to use English to execute activities in the classroom, particularly for pair or group work, whereas Maizan Mohamad (2016) found that grammar-related problems were a hindrance to communication using English.

Informed by existing research that explore the relationship between PLS and LLS in ESL contexts this study outlines the following research questions of this study:

- i. What is the most prevalent PLS among Semester 1 students at PKK?
- ii. What is the most prevalent LLS among Semester 1 students at PKK?
- iii. Is there a statistically significant relationship between PLS and LLS among Semester 1 students at PKK?
- iv. Is there a significant difference in English proficiency between categories of PLS preferences among Semester 1 students at PKK?
- v. Is there a significant difference in English proficiency between categories of LLS among Semester 1 students at PKK?

Literature Review

Learning a second or foreign language is a complicated and complex process that involves detailed training as well as the consideration of several factors. Lightbrown and Spada (2001), Brown (2007) and Hedge's (2000) studies on personality (motivation, attitude, aptitude among others), learning strategies and learning styles may have a strong role in a student's language development.

Claxton and Ralston (1978:7) defined learning style as referring to a learner's "consistent way of responding and using stimuli in the context of learning", which mirrors Loo's (2002:252) emphasis on the notion of established patterns, defining learning styles as "the consistent way in which learner responds to or interact with stimuli in the learning context". Of interest to the present study is the perceptual learning style (PLS). Perceptual learning style theory is based on the concept of sensory modalities: sight, hearing, touch, taste, and smell that allow us to perceive the world around us and make constructive meanings out of it. The study employed Reid's (1984) six modalities of perceptual learning styles – auditory, visual, kinaesthetic, tactile, group learning, and individual learning.

In contrast to learning style, Rubin (1975:43) defined language learning strategies (LLS) as "the techniques or devices which a learner may use to acquire knowledge". Oxford (1990:8) expands on this definition of LLS, considering them as

“specific actions taken by the learner to make learning easier, faster, more enjoyable, more self-directed, more effective, and more transferable to new situations”. On the other hand, O’Malley and Chamot (1990:1) define learning strategies as “the special thoughts or behaviours that individuals use to help them comprehend, learn, or retain new information”.

Tahap kedua dalam model penilaian ini adalah penilaian terhadap pembelajaran yang berlaku sepanjang program. Perubahan dalam peningkatan tahap pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap peserta setelah menghadiri program akan dapat mengukur keberkesanan pembelajaran peserta program yang dijalankan. Penilaian tahap kedua ini lebih memfokus kepada keberkesanan program dalam mencapai objektif yang telah disasarkan khususnya terhadap pembelajaran peserta. Pembelajaran boleh ditafsirkan sebagai tahap di mana peserta mengalami perubahan tingkah laku, peningkatan pengetahuan dan peningkatan kemahiran sebagai hasil daripada menyertai program latihan (Kirkpatrick, 1994). Proses dan pengalaman peserta yang menghadiri program latihan dalam mendapatkan pengetahuan atau kemahiran baru adalah apa yang dimaksudkan dengan pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, segala apa yang diajar dan didedahkan kepada peserta bengkel sepanjang bengkel dijalankan adalah merupakan latihan dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta. Ujian pra dan ujian pos akan digunakan untuk menilai peningkatan hasil pengetahuan dan kemahiran para peserta bengkel.

Tahap tiga: Penilaian Tingkahlaku

Seterusnya tahap ketiga penilaian program adalah terhadap tingkahlaku peserta selepas menghadiri program. Tahap ketiga ini dapat mengukur sama ada program tersebut memberi kesan positif terhadap prestasi pencapaian pelajar. Di dalam konteks kajian ini, *on the job behavior* pelajar yang dinilai adalah sikap dan tingkahlaku pelajar selepas mengikuti bengkel iaitu semasa menjawab soalan peperiksaan akhir yang sebenar.

Tahap empat: Penilaian hasil

Tahap keempat iaitu yang terakhir sekali adalah penilaian terhadap hasil akhir program yang mampu menyumbang kepada keberkesanan organisasi antaranya meningkatkan kualiti kerja, produktiviti dan kepuasan kerja peserta. Menurut Kirkpatrick (1994), tahap penilaian keempat iaitu hasil latihan kemungkinan mengalami sedikit kesukaran dalam menilai namun penilaian pada tahap ini merupakan penilaian yang sangat penting. Hal ini kerana tujuan utama penilaian dilakukan adalah untuk melihat hasil program yang dijalankan mampu membantu dalam meningkatkan kejayaan perancangan dan matlamat sesebuah organisasi. Menurut Kirkpatrick & Kirkpatrick (2006) setiap organisasi yang melabur dalam latihan ingin melihat nilai dan hasil pelaburan yang telah dilakukan (Mohamad Said & Zulhamri, 2012). Pemilihan Model Penilaian Kirkpatrick (1959) adalah berdasarkan asas penilaian program yang melibatkan reaksi, pembelajaran, kesan terhadap peserta dan institusi. Keempat-empat fasa ini terdapat dalam model penilaian yang dicadangkan oleh Kirkpatrick. Dalam konteks ini, pengkaji akan memfokuskan kepada keberkesanan bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan akhir kepada peserta bengkel.

Metodologi

Rekabentuk kajian yang dijalankan adalah berbeza mengikut tahap penilaian di dalam Model Kirkpatrick. Penyelidik menggunakan kaedah gabungan antara kuantitatif dan kualitatif iaitu pengumpulan data menggunakan tiga teknik serentak; soal selidik, pemerhatian, ujian pra dan pos. Stake dan Jagger (1997) menjelaskan bahawa gabungan

kuantitatif dan kualitatif membolehkan penyelidik memerihalkan dan membuat penyiasatan yang lebih mendalam atau keperluan mendapatkan pelbagai jenis maklumat dalam sampel (Mohd Nor, 2000). Pada tahap pertama iaitu reaksi, penilaian dilakukan selepas sahaja tamat bengkel dilaksanakan. Penilaian tahap kedua iaitu pembelajaran, dinilai pada sebelum dan selepas bengkel dilaksanakan. Penilaian tahap ketiga iaitu tingkahlaku, akan dilakukan selepas bengkel selesai dilaksanakan iaitu semasa peperiksaan akhir dijalankan. Manakala bagi tahap keempat pula, penilaian dilakukan semasa keputusan peperiksaan telah diperolehi.

Sampel

Kajian ini tidak menggunakan sampel, tetapi menggunakan populasi. Kajian yang baik adalah kajian yang menggunakan populasi sebagai sampel kajian atau mengambil sebanyak-banyaknya sampel yang menghampiri jumlah populasinya (Ghazali, 2018). Responden kajian adalah kesemua 50 orang pelajar yang mengikuti bengkel Teknik Menjawab Peperiksaan Akhir Matematik Kejuruteraan 1. Mereka terdiri daripada pelajar Kejuruteraan Semester 1 sesi Jun 2019 yang telah disenarai pendek untuk mengikuti bengkel.

Instrumen

Terdapat empat peringkat penilaian yang terlibat dalam model penilaian Kirkpatrick. Setiap peringkat penilaian ini menggunakan instrumen yang berlainan. Bagi peringkat pertama iaitu reaksi, instrumen yang digunakan dalam penilaian ini adalah borang soal selidik yang menggunakan empat(4) skala likert. Borang ini diedarkan kepada peserta setelah bengkel selesai dilaksanakan bagi melihat respon peserta terhadap program yang dijalankan. Borang soal selidik ini mempunyai tiga (3) bahagian atau konstruk iaitu pengisian program, pelaksanaan program dan juga keseluruhan bengkel.

Peringkat kedua iaitu pembelajaran pula menggunakan instrumen berbentuk ujian pra dan ujian pos. Ujian pra akan dilaksanakan sebelum bengkel bermula, manakalah bagi ujian pos pula akan dilaksanakan selepas bengkel tamat. Ujian pra dan ujian pos ini dilakukan bagi melihat sejauh manakah pertambahan pengetahuan dan kemahiran peserta selepas mengikuti bengkel yang dijalankan.

Instrumen yang digunakan pada peringkat ketiga iaitu tingkahlaku pula adalah pemerhatian tingkahlaku. Pemerhatian dilakukan terhadap peserta bengkel semasa menjawab peperiksaan akhir dari segi keyakinan menjawab soalan dan pengurusan masa menjawab peperiksaan akhir. Keyakinan akan diukur dari segi keupayaan pelajar menjawab soalan dalam tempoh yang diberikan dan juga bilangan soalan yang berjaya dijawab. Satu senarai semak telah disediakan bagi merekod pemerhatian yang dilakukan.

Analisis dokumen dijalankan sebagai satu instrumen bagi menilai peringkat keempat (keputusan). Penilaian peringkat ini dilakukan bagi melihat sejauh mana keberkesanan program kepada peserta setelah mengikuti keseluruhan bengkel sehingga selesai. Dokumen yang akan dianalisis adalah analisis keputusan peperiksaan akhir bagi kursus Matematik Kejuruteraan. Dokumen ini akan diperolehi daripada Unit Peperiksaan setelah keputusan peperiksaan akhir diumumkan.

Dapatan Kajian

Tahap satu: Reaksi

Dalam menilai tahap 1, instrumen soal selidik telah digunakan. Instrumen ini digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang reaksi pelajar selepas mengikuti bengkel yang dijalankan. Soal selidik ini telah diedarkan selepas bengkel tamat dilaksanakan.

Jadual 1: Analisis Soal Selidik Reaksi Pelajar

Konstruk	Soalan	SKALA				Jum	Min		Sd	
		1	2	3	4					
Pengisian Program	1	0	6	22	72	50	3.67	3.64	0.59	
		0	(3)	(11)	(36)	(100)				
	2	4.0	6.0	14.0	76.0	50	3.62			0.78
		(2)	(3)	(7)	(38)	(100)				
	3	0	4.0	24.0	72.0	50	3.68			0.55
	0	(2)	(12)	(36)	(100)					
	4	0	6.0	28.0	66.0	50	3.60		0.61	
		0	(3)	(14)	(33)	(100)				
	5	0	4.0	30.0	66.0	50	3.62		0.57	
		0	(2)	(15)	(33)	(100)				
Pelaksanaan Program	6	0	6.0	20.0	72.0	50	3.7	3.56	0.61	
		0	(3)	(10)	(36)	(100)				
	7	4.0	2.0	42.2	53.0	50	3.42			0.73
		(2)	(1)	(21)	(26)	(100)				
	8	0	16.0	26.0	58.0	50	3.42		0.76	
			(8)	(13)	(29)	(100)				
	9	0	4.0	24.0	72.0	50	3.68		0.55	
			(2)	(12)	(36)	(100)				
Keseluruhan	10	0		18.0	82.0	50	3.83	3.79	0.38	
				(9)	(41)	(100)				
	11	0	2.0	22.0	76.0	50	3.74		0.49	
			(1)	(11)	(38)	(100)				

Jadual 1 di atas menunjukkan hasil analisis soal selidik reaksi pelajar terhadap bengkel yang dilaksanakan dan telah dianalisis menggunakan perisian SPSS. Bagi konstruk pengisian prongam, purata min yang diperolehi adalah 3.64. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar bersetuju dan berpuashati dengan pengisian program yang dijalankan.

Bagi konstruk pelaksanaan program pula, terdapat empat item yang dinilai. Hasil analisis mendapati peserta sangat bersetuju dengan pelaksanaan program yang dijalankan di mana berdasarkan item enam hingga sembilan, peratusan pelajar yang memilih setuju dan sangat setuju adalah sangat tinggi iaitu dalam lingkungan 92 hingga 96 peratus bagi setiap item. Purata min yang diperolehi bagi konstruk pelaksanaan program adalah 3.56. Ini menunjukkan pilihan peserta program adalah dalam lingkungan setuju dan sangat setuju.

Bagi konstruk keseluruhan, terdapat dua item yang dinilai. Hasil analisis mendapati hanya satu daripada dua item di mana terdapat peserta memilih kurang setuju dan ini membawa peratus sebanyak dua manakala selebihnya memilih setuju dan sangat setuju bagi setiap item dan purata min bagi keseluruhan konstruk ini adalah 3.79. Ini menunjukkan hampir kesemua pelajar bersetuju dengan bengkel yang dilaksanakan. Ini bermakna, secara keseluruhannya dengan mengambil purata min antara 3.56 dan 3.79 sebagai *cut off* indikator tertinggi, maka dapatlah dinyatakan di sini bahawa majoriti peserta bengkel telah menyatakan mereka sangat berpuas hati dengan pelaksanaan bengkel yang dijalankan.

Tahap dua: Learning

Jadual 2: Ujian Sampel t Berpasangan

UJIAN SAMPEL BERPASANGAN DAN PENGIRAAN SAIZ KESAN							
		Skor Min	N	t	Sig	Sain Kesan	Kesan
Pair 1	Ujian Pra	32.42	50	-3.665	.001	0.747	Sederh ana
	Ujian Pos	91.9	50				

Jadual 2 di atas menunjukkan Ujian Sampel t Berpasangan bagi melihat perbezaan yang signifikan ujian pra dan pasca bagi bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan akhir. Hasil kajian menunjukkan nilai $t = -3.665$. Nilai signifikan adalah 0.001 dan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara markah ujian pra dan ujian pos. Analisis juga menunjukkan keputusan ujian pos menunjukkan nilai skor min yang lebih tinggi iaitu 91.9 berbanding dengan ujian pra dengan skor min 32.42.

Pengiraan saiz kesan telah dilakukan dan nilai saiz kesan yang diperolehi adalah 0.747. Berpandukan jadual interpretasi saiz kesan, sekiranya nilai saiz kesan yang diperolehi adalah berada dalam julat 0 hingga 0.2 menunjukkan tiada kesan yang berlaku, 0.3 hingga 0.4 adalah adalah saiz kesan kecil, 0.5 hingga 0.7 adalah kesan sederhana dan 0.8 ke atas adalah kesan besar. Analisis saiz kesan bagi ujian pra dan ujian pos bengkel ini menunjukkan nilai saiz kesan adalah 0.747. Oleh itu, saiz kesan bagi bengkel ini adalah sederhana.

Tahap tiga: Tingkah laku

Bagi mengkaji tahap 3 iaitu tingkahlaku, satu senarai semak pemerhatian telah dilaksanakan oleh pengkaji dan direkod seperti berikut:

Jadual 3: Rekod Pemerhatian


Aspek Pemerhatian	YA	TIDAK
1. Adakah pelajar menjawab peperiksaan dengan yakin?	/	
2. Adakah masa yang diperuntukkan mencukupi?	/	

Jadual 3 menunjukkan rekod pemerhatian yang dilakukan bagi tujuan mendapatkan data tentang perubahan tingkahlaku pelajar semasa menjawab peperiksaan akhir selepas menghadiri bengkel teknik menjawab soalan yang dijalankan. Hasil pemerhatian yang dijalankan pelajar kelihatan yakin semasa menjawab soalan peperiksaan akhir. Selain itu, pelajar juga berjaya menyelesaikan soalan peperiksaan akhir mengikut masa yang ditetapkan.

Tahap empat: Keputusan

Berdasarkan analisis keputusan peperiksaan akhir yang dikeluarkan oleh Unit Peperiksaan Politeknik Kota Kinabalu, secara keseluruhannya pencapaian *Course Learning Outcome (CLO)* bagi kursus Matematik Kejuruteraan 1 adalah memuaskan dan melebihi target yang disasarkan. Ini ditunjukkan melalui rajah berikut.

Rajah 2: Carta Peratus Pencapaian CLO



Rajah menunjukkan peratus pencapaian CLO bagi kursus Matematik Kejuruteraan 1. Terdapat tiga CLO yang disenaraikan sebagai hasil pembelajaran bagi kursus ini. Bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan akhir ini memfokuskan pencapaian CLO 1C

dan CLO 2C. Berdasarkan rajah di atas, peratus pencapaian CLO 1C dan CLO 2C adalah tercapai dan melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagi CLO 1C, peratus target yang disasarkan adalah sebanyak 60 peratus dan pencapaian sebenar adalah sebanyak 65 peratus. Bagi CLO 2C pula, pencapaian sebenar adalah sebanyak 64 peratus berbanding target awal iaitu 60 peratus.

Perbincangan

Hasil dapatan keseluruhan daripada bengkel yang telah dijalankan adalah sangat positif dari segi kepuasan hati pelajar yang menyertai bengkel, keyakinan pelajar semasa menjawab soalan peperiksaan akhir dan pencapaian keseluruhan bagi kursus Matematik Kejuruteraan 1. Di samping itu juga, berdasarkan analisis pencapaian pelajar terhadap kursus Matematik Kejuruteraan, dilihat bahawa hampir kesemua pelajar termasuk pelajar yang lemah berjaya memperolehi gred yang baik dalam peperiksaan akhir. Ini sekaligus membuktikan pelaksanaan bengkel telah banyak membantu dalam memperbaiki pencapaian keseluruhan Matematik Kejuruteraan. Oleh yang demikian, bengkel seperti ini seharusnya dilaksanakan berterusan setiap semester.

Namun yang demikian, terdapat juga sedikit cadangan untuk penambahbaikan terhadap pelaksanaan bengkel seperti bengkel dilaksanakan dalam masa dua hari agar pelajar mempunyai masa yang lebih banyak untuk membuat ulangkaji bagi setiap topik disamping memberi kesan yang tinggi terhadap pembelajaran peserta bengkel.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, setiap pelaksanaan program mahupun latihan oleh sesebuah organisasi, penilaian merupakan aktiviti dan langkah yang paling penting dilaksanakan. Penilaian program akan dapat memberi maklumat tentang kejayaan program yang dijalankan. Selain itu, penilaian program seterusnya akan dapat membantu organisasi dalam mengenalpasti kekuatan dan kelemahan tentang sesuatu program yang dilaksanakan. Kelemahan yang dikenalpasti akan diperbaiki pada masa akan datang, manakala bagi kekuatan pula, akan sentiasa ditambahbaik bagi memastikan kemantapan sesuatu program yang dijalankan.

Rujukan

- Abdul Manan, Kamaruzzaman & Nor, Shuhaida & Omar, Bahiyah. (2013) "Model Penilaian Kirpatrick: Mengkaji pengaruh komunikasi terhadap keberkesanan latihan", *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Vol 29, pp.31-50.
- Ahmad, A., & Zahari, N. (2012). *Kajian Keberkesanan Program Pembangunan dan Penilaian bagi Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Gred M41*.
- Alliger, G. M., & Janak, E. A. (1989). *Kirkpatrick's Levels of Training Criteria: Thirty Years Later*. *Personnel Psychology*, 42, pp.331-342.
- Bates, R. (2004). *A Critical Analysis of Evaluation Practice: The Kirkpatrick Model and The Principle of Beneficence*. *Evaluation and Program Planning* 27:341-347.
- Brinkerhoff, R. (2005). *The success case method: A strategic evaluation approach to increasing the value and effect training*. *Advances in Developing Human Resources*, 7 (1), 88-101.
- Gabr, M. (2007) "Program Evaluation: A missing critical link in translator training," <http://accurapid.com/journal/15training.htm>.
- Gredler, M. E. (1996). *Program Evaluation*. New York: Prentice Hall.
- Kirkpatrick, D. L. (1994). *Evaluating Training Programs: The Four Levels*. San

- Francisco: Berrett-Koehler.
- Kirkpatrick, D.L (1959). *Evaluating Training Program*. New York: Berret-Koehler Publisher.
- Mohamad N. (2000). *Modul Guru Sebagai Penyelidik: Asas-asas Menjalankan Kajian di Sekolah*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Mohd Faizal. (2010). "Kemahiran Metakogitif dalam Penyelesaian Masalah Matematik Bukan Rutin dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 5",2010.
- Mohd. M. K. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan, (2nd Edition)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: McGraw-Hill.
- Nurfatin Afza Mohamad Murad, Nobaya Ahmad, & Hanina Halimatusaadiah Hamsan. (2016). "Penilaian Program di Pusat Rawatan di Kuala Lumpur Menggunakan Model Kirkpatrick," *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.
- Schoenfeld, (1985). *A "Mathematical Problem Solving"*, New York Academic Press.
- Suriani H., Norlita. I. & Khadizah. G. (2012). 104 *Menemui Matematik* Vol. 334 (1).

Penggunaan Aplikasi Zoom Sebagai Medium Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Pelajar Kolej Komuniti Penampang

Dg. Nurshazana Binti Daud, Corine Binti Ahlai @ Eric & Grisha Henry William

Kolej Komuniti Penampang

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji impak penggunaan aplikasi Zoom sebagai medium dalam pengajaran dan pembelajaran (Pembelajaran) bagi pelajar Kolej Komuniti Penampang. Penggunaan aplikasi Zoom menjadi pilihan pelajar bagi menjalankan Pembelajaran secara atas talian sebagai norma baharu dalam menghadapi Pandemic Covid-19 yang melanda seluruh dunia pada tahun 2020 ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauh mana penggunaan aplikasi Zoom sebagai medium yang mesra pengguna dan persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi Zoom dalam memahami pembelajaran secara atas talian. Kajian ini berbentuk kuantitatif bagi mengumpul data dengan menggunakan kaedah soal selidik kepada pelajar. Hasil kajian mendapati pelajar adalah sangat positif dalam penggunaan aplikasi Zoom ini dan mereka menyokong penggunaan aplikasi Zoom ini bagi penyampaian pengajaran dan pembelajaran pensyarah.

Kata kunci: aplikasi zoom, pembelajaran dan pengajaran, pembelajaran atas talian

Pengenalan

Sumber pembelajaran yang berkesan adalah bergantung kepada tahap pemahaman pelajar terhadap ilmu yang disampaikan oleh pensyarah. Komunikasi yang berkesan pula adalah apabila pembelajaran itu dapat dijalankan secara dua hala. Pelbagai jenis aplikasi telah diperkenalkan pada masa kini seiring dengan kemajuan teknologi dan pada tahun 2020, wabak Corona Virus yang melanda seluruh dunia telah membuka mata semua betapa pentingnya untuk menggunakan aplikasi pembelajaran secara atas talian ini. Penggunaan pelbagai aplikasi sebagai medium untuk meneruskan Pembelajaran ini banyak membantu pelajar untuk memahami kursus yang disampaikan seperti berada di dalam kelas. Di Kolej Komuniti Penampang, kaedah penyampaian Pembelajaran secara atas talian adalah bergantung kepada persetujuan di antara pensyarah dan pelajar seperti menggunakan aplikasi Microsoft Teams, Zoom, Google Meet, Google Classroom dan lain – lain lagi. Melalui kajian ini, pengkaji mengkaji penggunaan aplikasi Zoom sebagai medium pembelajaran dan persepsi pelajar terhadap aplikasi ini. Bernama melaporkan, menurut Dr Mohd Hafiz Bin Abu Hassan ialah Pensyarah Fakulti Sains & Teknologi (FST), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Pembelajaran juga sesuai dilaksanakan secara hibrid yang mana gabungan antara pembelajaran dalam talian dan jarak jauh boleh diintegrasikan mengikut kesesuaian. Ini bertujuan memberi fleksibiliti kepada IPT untuk melaksanakan kaedah pembelajaran yang terbaik dengan mengambil kira masalah dan kekangan yang dihadapi pihak yang terlibat. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk (a) mengenalpasti sejauh mana aplikasi Zoom bertindak sebagai medium yang mesra pengguna kepada pelajar dan (b) mengenalpasti tahap penerimaan pelajar terhadap penggunaan aplikasi Zoom sebagai medium pembelajaran. Aplikasi Zoom adalah perkhidmatan sembang dalam talian serta video telefon yang boleh menjadi alternative untuk menjalankan kelas secara atas talian dengan kumpulan individu yang ramai sehingga 100 orang peserta dalam sesuat tempoh masa selama 40 minit dalam pakej yang sempurna.

Objektif kajian

Kajian ini diharapkan dapat menghuraikan keperluan untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian menggunakan aplikasi Zoom. Perkara-perkara berikut menjadi persoalan kajian:

- a) Mengenalpasti tahap mesra pengguna aplikasi Zoom dikalangan pelajar
- b) Mengenalpasti tahap penerimaan atau persepsi pelajar terhadap aplikasi Zoom

Soroton literatur

Kajian ini membincangkan penggunaan aplikasi Zoom bagi pelajar Kolej Komuniti Penampang dalam menghadapi wabak Covid-19 yang menyukarkan untuk menjalankan kelas secara berdepan. Melalui kajian ini, didapati pelajar-pelajar Kolej Komuniti Penampang dapat mengadaptasi norma baharu pembelajaran melalui aplikasi Zoom ini.

Menurut Rubiah Omar dan Jamilah Hj Ahmad (2009) pembelajaran atas talian e-pembelajaran pada peringkat pendidikan tinggi menjadi kaedah pembelajaran pada masa hadapan. Ia berupaya mempercepatkan pengajaran dan proses pembelajaran dengan lebih efektif. Penerimaan e-pembelajaran bukan sahaja untuk menukarkan modul tradisional, kos program dan bilik darjah dalam versi atas talian, bahkan penggunaan teknologi e-pembelajaran boleh menyumbang kepada persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel. Kajian yang dijalankan oleh Lucas Kohnke dan Benjamin Luke Moorhouse (2020) menyatakan pandemik Covid-19 memerlukan para pendidik untuk bergerak daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran atas talian. Menurut Lucas, salah satu daripada *online synchronous meeting tools (SMTs)* aplikasi Zoom merupakan aplikasi yang sangat popular dan mudah digunakan dimana ia merangkumi pelbagai ciri seperti alat anotasi, perkongsian skrin dan video yang akan menjadikan pembelajaran lebih menarik.

Vellen, Christopher Emmanuel Raj and Tasir, Zaidatun (2012) membuat kesimpulan pelajar lebih menggemari pembelajaran secara atas talian sebagai medium di mana ia memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada pelajar. Jaka Kusuma dan Hamdiah (2020) mendapati bahawa pembelajaran secara terus iaitu Zoom lebih baik jika dibandingkan dengan pembelajaran melalui WhatsApp semasa pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, Jaka Kusuma et al, (2020) mencadangkan supaya proses pembelajaran perlulah menggabungkan kedua-dua kaedah ini iaitu dengan menggunakan Zoom dan juga WhatsApp agar proses PdP lebih lengkap dan berkesan. Menurut Kerstin Hamann, Philip H. Pollock & Bruce M. Wilson (2012), perbincangan dalam talian menyediakan forum terbaik untuk mengungkapkan pemikiran. Ini membuktikan bahawa penggunaan aplikasi Zoom yang membuka ruang untuk pelajar menyuarakan persoalan tentang mata pelajaran yang dibincangkan akan menjadikan pelajar lebih kreatif dalam pembelajaran. Menurut Martina, Hendro dan Indra (2020), WhatsApp merupakan aplikasi yang lebih sesuai digunakan semasa pengajaran jika dibandingkan dengan aplikasi Zoom, Google Meet dan Facebook. Martina et al, (2020) turut menyatakan bahawa WhatsApp merupakan suatu aplikasi komunikasi yang lebih ringkas dan mudah digunakan untuk semua peringkat umur dan latar belakang. Namun begitu, kajian ini adalah terhad kepada pembelajaran Bahasa Inggeris.

Zoom adalah aplikasi buatan Eric Yuan, yang mula digunakan pada Januari 2013 (Berti, 2020). Zoom meeting sendiri merupakan sebuah media pembelajaran menggunakan video. Pada aplikasi zoom meeting ini kita boleh berkomunikasi secara terus dengan sesiapa sahaja melalui video, sehingga sesuai digunakan sebagai media pembelajaran (Haqien & Rahman, 2020). Zoom meeting adalah sebuah aplikasi yang dapat menyelesaikan halangan komunikasi pada bila-bila masa dengan banyak orang tanpa perlu bersemuka secara langsung (Mahayoni, 2020). Aplikasi zoom meeting ini dipilih kerana lebih mudah digunakan untuk menyampaikan pembelajaran kepada pelajar. Pembelajaran melalui zoom membolehkan pelajar tidak hadir secara fizikal ke sekolah. Keberhasilan pelajar belajar dari rumah ditentukan oleh bimbingan dan tunjuk ajar

daripada ibu bapa. Kerjasama antara guru dan ibu bapa dalam pembelajaran secara atas talian adalah sangat penting pada pendidikan pelajar. Penggunaan zoom meeting ini selain untuk mengoptimumkan pembelajaran pelajar, zoom juga dapat memberikan pengetahuan dan meningkatkan pemahaman guru terhadap aplikasi zoom meeting dalam pembelajaran atas talian.

Metodologi

Metodologi kajian sangat penting bagi mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, empat bahagian yang telah difokuskan iaitu reka bentuk kajian, sampel kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisaan data.

Rekabentuk kajian ini adalah menggunakan soal selidik di manapopulasi kajian terdiri daripada 80 orang pelajar Kolej Komuniti Penampang. Soal selidik ini tertumpu kepada persoalan kajian bagi mengenalpasti tahap mesra pengguna aplikasi Zoom dalam pembelajaran. Berikut merupakan Jadual Skala Likert dalam kajian ini.

Jadual 1: Skala Likert

Skala	Tahap
1	Sangat tidak setuju (STS)
2	Tidak setuju (TS)
3	Kurang setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Jadual 2: Komponen Soal Selidik

Bahagian	Elemen	Item
A	Demografi	3
B	Aplikasi Zoom sebagai medium pembelajaran	5
C	Aplikasi Zoom mesra pengguna	8

Analisa dan Keputusan

Analisa data dijalankan dengan tujuan untuk mentafsirkan data kuantitatif yang telah diperolehi oleh pengkaji. Pengkaji juga menganalisa data yang telah diperolehi. Kesemua data yang telah diperolehi daripada responded akan dikumpulkan dan dianalisis melalui perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences).

A. Demografi

Kajian ini melibatkan 80 responden yang terdiri daripada pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan dan Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Penampang Sesi Disember 2019. Melalui soal selidik yang telah dijalankan, seramai 55 orang pelajar yang menggunakan aplikasi Zoom di telefon pintar dengan peratusan 68.75% dan 25 orang

menggunakan komputer riba bagi mengakses aplikasi Zoom dengan peratusan 31.25%. Peratusan penggunaan daripada pelajar lelaki adalah 37.5% iaitu seramai 30 orang manakala pelajar perempuan adalah 62.5% iaitu seramai 50 orang. Untuk responden mengikut kategori capaian internet, 37.5% menggunakan prabayar melibatkan 30 orang pelajar, 31.25% menggunakan pascabayar iaitu seramai 25 orang dan yang menggunakan khidmat wifi adalah 31.25% juga seramai 25 orang.

B. Aplikasi Zoom sebagai medium pembelajaran

Jadual 3: Analisis Aplikasi Zoom sebagai medium pembelajaran

No	Pernyataan	Bilangan Pelajar					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	KS	S	SS		
1	Aplikasi Zoom menjadi pilihan medium pembelajaran saya		1	7	34	38	4.36	.698
2	Pensyarah menerangkan lebih jelas menggunakan aplikasi Zoom berbanding aplikasi lain	1	2	8	43	26	4.14	.791
3	Paparan nota pensyarah lebih mudah menggunakan aplikasi Zoom		2	8	50	20	4.10	.668
4	Perbincangan dalam aplikasi Zoom melalui ruangan perbualan amat membantu dalam bertanya soalan		2	8	50	20	4.10	.668
5	Rakaman pembelajaran amat mudah dilakukan melalui aplikasi Zoom		2	8	46	24	4.15	.695

Berdasarkan Jadual 3 di atas, dapat dirumuskan bahawa dapatan skor min yang palig tinggi adalah pada item 1 iaitu 4.36 dan ini meunjukkan bahawa aplikasi Zoom ini menjadi pilihan pelajar untuk menjalankan pembelajaran secara atas talian. Nilai skor min terendah adalah pada item ketiga dan keempat iaitu 4.10 mungkin juga disebabkan penerangan secara video oleh pensyarah amat jelas dan pelajar tidak perlu untuk menulis di ruangan perbualan untuk bertanyakan soalan kepada pensyarah. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan reaksi yang positif terhadap penggunaan aplikasi Zoom sebagai medium pembelajaran.

C. Aplikasi Zoom mesra pengguna

Jadual 4: Analisis Aplikasi Zoom mesra pengguna

No	Pernyataan	Bilangan Pelajar					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	KS	S	SS		
1	Aplikasi Zoom mudah di muat turun		1	3	33	43	4.48	.636
2	Aplikasi Zoom menggunakan ruang yang besar dalam memori telefon	31	13	10	16	10	2.51	1.484
3	Papan putih aplikasi Zoom mudah digunakan			14	42	24	4.13	.682
4	Kemudahan audio untuk berkongsi mendengar lagu dalam aplikasi Zoom memberi semangat untuk belajar		2	9	43	26	4.16	.719
5	Aplikasi Zoom tidak memerlukan data internet saya berlebihan berbanding aplikasi lain	4	4	16	38	18	3.78	1.018
6	Aplikasi Zoom mudah untuk disertai (hanya melalui pautan yang diberikan)	1		4	45	30	4.29	.679
7	Aplikasi ini menarik minat saya untuk belajar	1		5	49	24	4.20	.668
8	Secara keseluruhannya, saya berpuas hati menggunakan aplikasi ini	1	1	4	42	32	4.29	.732

Jadual 4 menunjukkan analisis aplikasi Zoom adalah mesra pengguna di kalangan pelajar. Daripada hasil kajian, didapati item pertama dengan min yang tinggi iaitu 4.48 menunjukkan aplikasi ini sangat mudah untuk dimuat turun samada di dalam telefon atau komputer. Item yang kedua dengan min serendah 2.51 menunjukkan kebanyakan pelajar ini merasakan bahawa aplikasi Zoom tidak akan memerlukan ruangan yang besar meskipun mereka memuat turun di dalam telefon pintar mereka. Berdasarkan data di atas, jelas menunjukkan bahawa aplikasi ini adalah mesra pengguna dan mudah difahami setiap fungsi yang ada didalam aplikasi ini. Ini memperkuat lagi dengan kajian daripada Liyan Song, Ernise S. Singleton, Janette R. Hill, Myung Hwa Koh, (2004) yang menyatakan bahawa kebanyakan pelajar setuju bahawa reka bentuk kursus, motivasi pelajar, pengurusan waktu, dan keselesaan dengan teknologi dalam talian mempengaruhi kejayaan pembelajaran dalam talian.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan keseluruhan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi Zoom amat mesra pengguna di kalangan pelajar dan mereka dapat menerima secara baik penggunaan aplikasi Zoom sebagai medium untuk membantu mereka memahami sesi pembelajaran. Kajian ini boleh dilanjutkan dengan mengenalpasti

persepsi para pesyarah dalam penggunaan aplikasi Zoom sebagai medium pengajaran. Kesemua pelajar mahupun pensyarah haruslah sama-sama memperkasa pembelajaran secara atas talian agar kualiti pendidikan negara bertambah baik.

Rujukan

- Berti, H. (2020). Skripsi: *Implementasi E-Learning Menggunakan Zoom terhadap Pemahaman Konsep Peserta Didik Ditinjau dari Gender pada Mata Pelajaran Biologi Kelas XI di SMA Padang Cermin*. Lampung: UIN Raden Intan.
- Jaka Wijaya Kusuma & Hamidah. (2020). Perbandingan Hasil Belajar Matematika Dengan Penggunaan Platform Whatsapp Group dan Webinar Zoom dalam Pembelajaran Jarak Jauh Pada Masa Pandemi Covid-19. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Matematika*, 5(1), 97-106.
- Haqien, D., & Rahman, A. A. (2020). Pemanfaatan Zoom Meeting untuk Proses Pembelajaran pada Masa Pandemi Covid-19. *SAP (Susunan Artikel Pendidikan)*, 5(1), 51-56.
- Kerstin Hamann, Philip H. Pollock & Bruce M. Wilson. (2012). *Assessing Student Perceptions of the Benefits of Discussions in Small-Group, Large-Class, and Online Learning Contexts*, College Teaching.
- Lucas Kohnke dan Benjamin Luke Moorhouse. (2020). *Facilitating Synchronous Online Language Learning through Zoom*.
- Liyan Song, Ernise S. Singleton, Janette R. Hill, Myung Hwa Koh. (2004). Improving online learning: Student perceptions of useful and challenging characteristics. *The Internet and Higher Education*, Volume 7, Issue 1.
- Martina Napratilora, Hendro Lisa & Indra Bangsawan. (2020). Using WhatsApp as a Learning Media in Teaching Reading. *MITRA PGMI: Jurnal Kependidikan MI*, 6(2), 116-125.
- Rubiah Omar dan Jamilah Hj Ahmad, Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1) (2009):155-172.
- Vellen, Christopher Emmanuel Raj and Tasir, Zaidatun. (2012). *Student Perception Toward Meaningful Learning through E-learning and Social Networking Sites as medium of Teaching and Learning*.

**Penggunaan Kaedah Sistem Ganjaran untuk Meningkatkan
Keberkesanan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Pengajian
Malaysia MPU1152 di Kolej Komuniti Penampang**

Corine Binti Ahlai @ Eric, Dg. Nurshazana Binti Daud & Grisha Henry William
Kolej Komuniti Penampang

Abstrak

Tujuan kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan bagaimana kaedah sistem ganjaran menggunakan jigsaw puzzle dapat membantu meningkatkan keberkesanan kawalan kelas bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Selain daripada itu juga ianya secara langsung dapat membantu meningkatkan minat ke atas pembelajaran dan pengajaran kursus Pengajian Malaysia yang dianggap satu subjek yang membosankan. Seramai 30 orang pelajar telah diambil sebagai responden. Bagi tujuan perbandingan, responden diberi borang soal selidik pada awal semester bermula dan dirujuk sebagai Soal Selidik Pra kajian kemudian di akhir semester responden akan mengisi borang soal selidik sekali lagi yang dirujuk sebagai soal selidik pasca kajian. Hasil kajian menunjukkan Kaedah Ganjaran menggunakan jigsaw puzzle yang dilaksanakan adalah berkesan dan berupaya untuk membantu saya mengawal kelas serta dapat meningkatkan minat pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: *sistem ganjaran, pengajaran dan pembelajaran*

Pengenalan

Keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu elemen penting dalam merealisasikan matlamat dan objektif sesuatu sesi kuliah atau penyampaian di kelas. Namun, keadaan ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai. Kawalan kelas merupakan salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh seseorang pensyarah atau pengajar sebaik sahaja melangkah masuk ke dalam kelas. Menurut Omardin Ashaari (1996) berpendapat bahawa kaedah yang paling berkesan dalam mengawal kelas dan lazimnya digunakan oleh pensyarah atau pengajar ialah menggunakan kekuatan dan ketegasan yang ada pada diri mereka sendiri. Namun begitu, pendapat ini sukar untuk dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar di peringkat sijil di Kolej Komuniti Penampang terutama bagi kursus Pengajian Malaysia. Menurut Charles (2008), pada tahun 1960an, banyak guru-guru sekolah rendah mengaplikasikan Teori Operasi Operan dalam kawalan kelas mereka, memberi ganjaran kepada murid-murid yang menunjukkan tingkah laku baik dan tidak menghiraukan mereka yang menunjukkan tingkah laku yang tidak diinginkan

Kegagalan mengurus bilik darjah juga akan menyebabkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terjejas. Murid-murid yang tidak menumpukan perhatian akan bercakap-cakap sesama sendiri dan mengganggu rakan. Ini akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi bising dan pengkaji terpaksa menghentikan aktiviti pengajaran untuk menegur murid-murid yang bertingkah laku disruptif. Akibatnya, kualiti pengajaran menurun dan proses pengajaran dan pembelajaran tidak lancar.

Pengajian Malaysia merupakan kursus yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar Kolej Komuniti untuk melayakkan mereka dianugerahkan Sijil Kolej Komuniti. Masalah yang ketara sekali dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pengajian Malaysia ialah pelajar sukar untuk mengingat fakta-fakta sejarah yang terkandung dalam silibus kursus

Pengajian Malaysia dalam jangka masa panjang. Di samping itu juga, disebabkan pelajar-pelajar ini merupakan pelajar lepasan SPM bagi mereka pengalaman belajar matapelajaran sejarah amat membosankan. Oleh itu, ianya menjadi salah satu punca yang mengikis minat pelajar terhadap kursus Pengajian Malaysia. Selain daripada itu, masalah kawalan kelas juga wujud disebabkan oleh kurangnya kesedaran pelajar tentang pentingnya menjaga kelakuan dan kesan tingkah laku mereka terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Eileen (2000) dalam kajiannya tentang kawalan kelas, selalunya sistem kawalan kelas yang lemah menjadi punca utama kebanyakan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dijalankan dengan baik. Keadaan ini timbul disebabkan oleh beberapa perkara seperti, kurangnya minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih digunakan. Tambahan pula, kurangnya rasa hormat kepada pensyarah serta hilang rasa tanggungjawab sebagai seorang pelajar juga menyebabkan mereka sering tidak mengendahkan tugas dan arahan yang diberikan oleh pensyarah.

Menurut Stone (2007), kalau tingkahlaku boleh dipelajari maka sudah tentu ia boleh diubah atau diubahsuai. Kawalan kelas yang baik dan menyeluruh semestinya melibatkan pengurusan fizikal, peralatan dan sumber, pengurusan pelajar, pengurusan masa dan pengurusan pengajaran dan pembelajaran serta penilaian. Menurut Brophy dan Evertson (1976, seperti yang dinyatakan dalam Sephia Sc, 2011), kemahiran kawalan kelas amat penting dalam menentukan kejayaan dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian tindakan tentang kawalan kelas menggunakan kaedah sistem ganjaran dijalankan ke atas pelajar-pelajar yang mengambil kursus Pengajian Malaysia bagi sesi Disember 2019.

Kaedah sistem ganjaran digunakan untuk mengatasi masalah kawalan kelas dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam kursus Pengajian Malaysia. Menurut Kamus Dewan ganjaran bermaksud sebagai hadiah (untuk perbuatan baik dan lain-lain). Abd. Razak Ibrahim dan Aini Sulaiman (2000, seperti dinyatakan dalam Azman bin Adnan, 2005) pula menyifatkan ganjaran bertujuan untuk meningkatkan semangat dan produktiviti. Ini disebabkan lumrah manusia sentiasa memerlukan pujian dan sanjungan setiap kali selesai melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan jayanya.

Penggunaan teknik ganjaran (token) merupakan sistem peneguhan yang simbolik. Teknik ganjaran (token) dipanggil sistem ekonomi kerana ia berdasarkan sistem kewangan, yang mana wang merupakan bentuk token yang paling asas. Dalam dunia pekerjaan, apabila seseorang selesai melaksanakan tugas, mereka akan menerima wang gaji sebagai balasan. Seterusnya wang itu akan digunakan untuk membeli rumah, makanan dan sebagainya iaitu sama prinsip yang digunakan dalam kaedah pemberian ganjaran (token). Pelajar akan menerima ganjaran (token) apabila berjaya menunjukkan tingkah laku yang telah ditetapkan, di mana mereka boleh menukar token itu dengan objek atau aktiviti yang telah dikenal pasti boleh dijadikan sebagai peneguhan.

Token boleh terdiri daripada markah yang dicatatkan pada papan markah. Token juga boleh dibuat dalam bentuk pelekat, bintang, guli, kertas berwarna, happy faces, reben, kain perca atau apa-apa sahaja objek yang kecil dan menarik. Jigsaw Puzzle atau susun suai gambar adalah sejenis permainan ala teka teki yang memerlukan pemasangan atau penyusunan banyak kepingan-kepingan memanca. Setiap kepingan lazimnya memiliki sebahagian kecil gambar padanya dan apabila susun suai itu siap, ianya akan menunjukkan keseluruhan gambar. Menurut Blaney, Stephon, Rosenfield, Aronson dan Siles (1977), permainan susun suai gambar di kalangan pelajar dalam kelas mampu meningkatkan keyakinan diri sehingga mewujudkan daya saing yang sihat di antara pelajar. Selain itu, jurang di antara pelajar yang cerdik dengan kurang cerdik dapat dikurangkan dari segi tahap penglibatan dalam aktiviti kelas.

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk:

- i. Meningkatkan keberkesanan kawalan kelas bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.
- ii. Meningkatkan tahap kecenderungan pelajar untuk meminati dan menyukai subjek Pengajian Malaysia yang dianggap sebagai satu subjek yang membosankan.

Persoalan Kajian

Antara yang menjadi persoalan kajian adalah:

- c) Adakah kaedah ganjaran (token) menggunakan *jigsaw puzzle* dapat meningkatkan keberkesanan kawalan kelas bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif?
- d) Adakah kaedah ganjaran (token) menggunakan *jigsaw puzzle* dapat meningkatkan tahap kecenderungan pelajar untuk meminati dan menyukai subjek Pengajian Malaysia yang dianggap sebagai satu subjek yang membosankan?

Metodologi

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah kuantitatif. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumbalas pelajar mengenai pelaksanaan kaedah ganjaran yang dijalankan di dalam kelas.

Populasi kajian

Populasi kajian ialah pelajar-pelajar sesi Disember 2019 yang terdiri daripada Sijil Teknologi Senibina semester 2 dan Sijil Pengoperasian Perniagaan semester 3. Jumlah populasi adalah seramai 30 orang. Bagi tujuan perbandingan, responden diberi borang soal selidik pada awal sesi semester bermula dan dirujuk sebagai Soal Selidik Pra Projek. Di akhir sesi semester, responden akan mengisi borang soal selidik sekali lagi yang dirujuk sebagai Soal Selidik Pasca Projek. Jadual 1 menunjukkan pelan tindakan pelaksanaan kajian soal selidik bagi responden yang disasarkan.

Jadual 1: Pelan Tindakan Pelaksanaan Kajian Soal Selidik

Responden	Bilangan Responden
Pelajar Sijil Teknologi Senibina Semester 2	20
Pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan Semester 3	10

Instrumen kajian

Instrumen kajian adalah dalam bentuk soal selidik. Soal selidik adalah berbentuk kajian kuantitatif. Soal selidik merupakan satu bentuk instrumen atau alat formal yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada responden. Melalui cerapan data dapatan daripada borang soal selidik, tahap keberkesanan proses Pdp dapat diukur. Skala Likert digunakan kerana soalan jenis ini lebih sesuai untuk responden bagi memahami kehendak soalan seterusnya dapat membantu memilih jawapan yang jelas. Jadual 2 menunjukkan skala likert yang digunakan di dalam kajian ini.

Jadual 2: Skala Likert

Pemberat	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Kurang Setuju	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Penganalisaan data

Analisa data menggunakan perisian Microsoft Office Excel 2013. Pemberat skor min yang diperolehi dirujuk menggunakan Jadual 3 dan dikodkan hasilnya sama ada rendah, sederhana atau tinggi.

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Dapatan Kajian

Daripada dapatan dan analisa data borang soal selidik, satu hasil keputusan diperolehi seperti dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: *Item-item berkaitan dengan keberkesanan aplikasi kaedah ganjaran berbentuk Token menggunakan “jigsaw puzzle” sebagai mekanisme kawalan kelas dan motivasi pelajar dari perspektif responden (pelajar sasaran bagi kajian)*

Bil	Item Berkaitan Dengan Pengajaran dan Pembelajaran Pengajian Malaysia	Min (Pra Kajian)	Min (Pasca Kajian)
1.	Subjek Pengajian Malaysia adalah subjek yang mudah untuk difahami dan tidak sukar untuk mengingati fakta dalam sesuatu topik.	1.67	4.50
2.	Kelas bagi subjek Pengajian Malaysia tidak membosankan dan pelajar merasa seronok di dalam kelas.	1.27	4.53
3.	Pelajar menunjukkan disiplin diri yang tinggi dari ketepatan masa, etika berpakaian dan keperibadian yang terpuji.	1.80	4.60

Bil	Item Berkaitan Dengan Pengajaran dan Pembelajaran Pengajian Malaysia	Min (Pra Kajian)	Min (Pasca Kajian)
4.	Pelajar berinteraksi dengan pensyarah secara dua hala dan komunikasi berkesan di kalangan sesama pelajar dalam satu kumpulan.	1.87	4.47
5.	Semua pelajar melibatkan diri dalam sebarang aktiviti kelas sama ada secara berkumpulan atau individu.	2.10	4.53
6.	Tugasan dan kerja khusus yang diberikan dapat disiapkan seperti yang diarahkan dan memenuhi keperluan dan kehendak pensyarah.	2.27	4.60
7.	Suasana kelas lebih kondusif bagi pelajar untuk fokus dan memberi tumpuan kepada sesi Pdp.	1.70	4.53
8.	Pensyarah dapat merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam sesi Pdp dengan baik.	1.90	4.47
9.	Pencapaian pelajar meningkat dalam penilaian pengetahuan dari segi ujian dan peperiksaan.	1.87	4.60
10.	Kadar masalah disiplin pelajar menurun.	1.70	4.47
Min Keseluruhan		1.81	4.53

Jadual 5: Analisis Min Keseluruhan Keberkesanan kaedah ganjaran berbentuk Token menggunakan “jigsaw puzzle” sebagai mekanisme kawalan kelas dan motivasi pelajar dari perspektif responden (pelajar sasaran bagi kajian)

Min (Pra Kajian)	Tahap Keberkesanan	Min (Pasca Kajian)	Tahap Keberkesanan
1.81	Rendah	4.53	Tinggi

Daripada dapatan kajian dan analisis terhadap Min Keseluruhan seperti dalam Jadual 5, didapati semua item yang dikaji melalui borang soal selidik mencapai tahap keberkesanan yang tinggi selepas kajian dilaksanakan. Perbandingan min keseluruhan sebelum kajian dijalankan dan selepas kajian dilaksanakan menunjukkan perbezaan min melebihi mata 1. Ini menunjukkan kajian yang dilaksanakan mencapai objektif dan memenuhi kriteria-kriteria tujuan kajian ini dijalankan.

Kesimpulan

Melalui kajian yang telah dilaksanakan menunjukkan bahawa kaedah sistem ganjaran dapat membantu dalam mengatasi masalah kawalan kelas dan secara langsung dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan daripada hasil kajian mendapati kaedah ini juga sesuai diaplikasikan dalam semua sesi pengajaran dan pembelajaran sama ada teori dan amali. Ini kerana kaedah dan Teknik yang digunakan bersifat universal dan boleh diadaptasi dengan lebih meluas dalam lapangan pedagogi.

Rujukan

- Azman bin Adnan. (2005). *Modul Kursus Kepimpinan Instruksional*.
- Charles. (2008). *Building Classroom Dicipline*, United States: Pearson Education Inc
- Eileen Ferrance. (2000). *Action Research*, United States: The Education Alliance.
- Omardin Ashaari. (1996). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Richard D. Parsons, Kimberlee S. Brown. (2002). *Teacher as reflective practitioner and action researcher*. West Chester University, United States.
- Sephia Sc. (2011). *Konsep dan pengurusan bilik darjah*. Diperoleh pada Ogos 25, 2012 dari Scribd laman web:<http://www.scribd.com/doc/53142898/konsep-dan-pengurusan-bilik-darjah>.
- Stone. (2007). *The Effects of Token Economy System to Improve social and academic behavior with a primary aged child with disabilities*. International Journal of Special Educatuon, 6(2), 15-23

Students' Perspective on Online Learning in Politeknik Kota Kinabalu

Anna Alicia Juanis & Georginia Alicia Ejus

Politeknik Kota Kinabalu

Abstract

Online learning in Politeknik Kota Kinabalu started in June 2020 session, in-line with the announcement from Ministry of Higher Education (MOHE) that all higher learning institutions to conduct their classes online until the end of December. This study aims to explore students' perspective on online learning and CIDOS as an online learning tool. This study involves 30 participants from semester 5 students of Politeknik Kota Kinabalu taking DUE50032 Communicative English course. Data was collected via online questionnaire and online interview. The findings of this study show that students have a positive attitude towards online learning and using CIDOS as an online learning tool.

Keywords: *online learning, cidos, learning management system*

Introduction

